

'Usah terlalu obses dengan kes Najib, 1MDB sahaja'

BERITA HARIAN 17 MAY 2025 m/s. 3

Anwar tegaskan ada juga kes rasuah babit bekas PM dan bekas menteri kewangan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan, skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hanyalah di antara banyak kes penyelewengan berbilion ringgit membabitkan pemimpin terdahulu.

Lantaran itu, Perdana Menteri mengingatkan, walaupun perhatian umum banyak tertumpu kepada Datuk Seri Najib Razak dan 1MDB, isu rasuah sebenarnya lebih mendalam dan membabitkan bekas perdana menteri serta menteri kewangan lain.

"Saya antara yang palingantang membantah skandal kewangan 1MDB dan menekankan bahawa kebenaran mesti didedahkan, tetapi saya juga tahu bahawa berbilion ringgit sudah dicuri oleh ramai lagi pemimpin lain.

"1MDB (adalah) satu kes besar yang masih berjalan, tetapi orang ramai terlalu obses dengan Najib dan 1MDB sahaja. Saya tidak berkongsi keobsesan itu. Kalau dengar mereka bercakap, seolah-olah satu-satunya masalah di Malaysia ialah Najib dan skandal 1MDB.

"Saya nak beritahu, ya! itu (Najib dan 1MDB) adalah sebahagian daripada skandal, tetapi bukan Najib seorang, ia juga membabitkan Perdana Menteri sebelum beliau, menteri kewangan sebelum dan selepas beliau.

"Siasatlah mereka juga. Kenapa melindungi sesetengah pihak? Kenapa begitu obses?" katanya ketika menjadi tetamu program 101 East terbitan stesen penyiaran antarabangsa, Al-Jazeera.

Ketika pengacara program 101 East, Mary Ann Jolley, menyatakan bahawa 1MDB adalah 'kes kleptokrasi terbesar', Anwar berkata, penilaian itu hanya berdasarkan maklumat yang diketahui oleh beliau.

Anwar berkata, sejak menjadi Perdana Menteri, beliau mampu

nyai lebih banyak maklumat.

"Sekarang saya Perdana Menteri, saya tahu lebih banyak (maklumat). Saya tahu agak banyak dan saya katakan ya, 1MDB adalah satu skandal kewangan besar, tetapi ada banyak lagi berbilion ringgit yang dicuri dan perlu diselesaikan," katanya.

Apabila didesak Mary Ann mengenai kes lain yang dimaksudkan itu, Anwar berkata, siasatan sedang dijalankan dan mengkritik mereka yang hanya mengutuk Najib, tetapi berdiam diri terhadap pihak lain.

"Apa yang saya cuba tekankan ialah pengkritik Najib seolah-olah membusu apabila kes membabitkan pemimpin terdahulu yang turut membazirkan berbilion ringgit.

"Maksud saya, siasatlah (pelaku jenayah)... saya mahu negara ini selamat daripada pemimpin korup dan memberi pengajaran kepada mereka. Sekurang-kurangnya dapatkan kembali wang itu untuk dikembalikan kepada rakyat," katanya.

Mengenai isu pengampunan diraja Najib, Anwar berkata, beliau yang membawa permohonan itu kepada Lembaga Pengampunan kerana sebagai Perdana Menteri tidak boleh menunjukkan sikap berat sebelah terhadap sesiapa.

Apabila ditanya kemungkinan pengkritiknya menganggap tindakan itu bermotif politik memandangkan beliau bergantung kepada UMNO yang pernah diketuai Najib, untuk kekal berkuasa, Anwar berkata, beliau tetap dikritik tidak kira apa tindakan diambilnya.

"Saya tetap disalahkan jika buat, disalahkan jika tak buat. Jadi akhirnya, (saya) buatlah perkara yang betul. Apa perkara yang betul? Hak yang diberikan kepada setiap banduan di Wilayah Persekutuan untuk menghantar permintaan semakan (pengampunan)... saya sudah lakukan itu.

"Hantar permintaan untuk semakan (oleh Lembaga Pengampunan)... bukan keputusan. Saya dahulu dipenjarakan Mahathir (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) selama bertahun-tahun, kemudian oleh Najib tetapi kita perlu melangkaui itu, saya tidak menyimpan den-



Anwar bersama Mary Ann pada program 101 East terbitan Al-Jazeera.

dam kerana anggap ia satu penyakit.

"Isunya, maafkan saya, kenapa terlalu obses dengan lelaki ini (Najib) yang sudah dipenjarakan? Demi Tuhan! Dia sudah dalam penjara! tapi yang lain masih bebas dengan berbilion ringgit dan kamu (pengkritik) tidak peduli," katanya.

Anwar yang tersenyum ketika Mary Ann menyebut mengenai isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, menerima berlian merah jambu bernilai AS\$27 juta yang didakwa dihadiahkan keluarga diraja dari Asia Barat, menegaskan beliau tidak perlu diyakinkan mengenai hal itu kerana pernah membangkitkan isu berkenaan.

"Sebahagian isu itu sudah pun dibangkitkan oleh saya. Apa lagi? Najib kini di dalam penjara dan kes masih berjalan. Kenapa obses dengan Najib sahaja sedangkan ada banyak lagi kes lain?"

"Kita berhenti mendakwa? Tidak. Kes dihentikan? Tidak. Masih berjalan? Ya. Baik, teruskan. Bagaimana pula dengan yang lain? Saya rasa ini satu helah licik dan jahat oleh segelintir penjenayah yang terus menonjolkan Najib supaya kes mereka diabaikan.

"Marilah kita tadbir negara ini dan kembali kepada tadbir urus yang betul, kedaulatan undang-undang, kebebasan kehakiman... marilah kita jalankan negara ini dan jangan dibelenggu oleh satu keobsesan," katanya.

Usaha bawa pulang Jho Low

Sementara itu, Anwar berkata, usaha membawa pulang ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, ke Malaysia bagi menghadapi tindakan undang-undang mungkin tidak disenangi sesetengah pihak.

Katanya, ada pihak tertentu yang tidak berhasrat melihat Jho Low individu yang dikehendaki berkaitan skandal kewangan 1MDB, kembali ke negara ini.

Menjawab pertanyaan Mary Ann, sama ada wujud kumpulan tertentu yang enggan Jho Low

dibawa pulang ke Malaysia, Anwar menjawab, 'Ya'.

"Saya percaya begitu, saya yakin... kerana kepeluangannya mungkin akan mendedahkan lebih banyak perkara. Namun, saya tidak mahu terganggu dengan menganggap isu ini sebagai satu-satunya perkara perlu ditangani oleh Perdana Menteri.

"Perdana Menteri perlu menangani isu tadbir urus dan membersihkan negara ini daripada rasuah sistemik... ia adalah perjuangan besar yang sukar dan tidak bermula serta berakhir dengan 1MDB," katanya.

Ketika ditanya mengenai lokasi terkini Jho Low, Anwar menjelaskan bahawa pihak berkuasa sedang berusaha mengesannya, dan antara tindakan pertama beliau selepas dilantik sebagai Perdana Menteri adalah mengarahkan semua agensi penguat kuasa untuk melakukan apa sahaja bagi menjejaki ahli perniagaan itu.

"Saya fikir dia (Jho Low) memainkan peranan penting dan keterangannya akan menjadi kunci bagi menyelesaikan... me-

namatkan kes ini (1MDB)," katanya.

Mengulas mengenai proses rumit membawa pulang Jho Low meskipun terdapat bukti kukuh terhadapnya dan sekiranya beliau berada di China, Anwar menjawab: "Tiada siapa tahu di mana dia berada".

"Kita tidak dapat mengesahkan sama ada dia berada di China. Maksud saya, secara rasmi tetapi kita mengesyaki terdapat beberapa pergerakan. Jika saya katakan lebih lanjut, akan timbul lebih banyak kesulitan" katanya.

Tahun lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, dilaporkan memaklumkan bahawa pihak polis masih menjejaki Jho Low. Bagaimanapun, tiada petunjuk mengenai keberadaannya.

Pada Mei 2023, Anwar memaklumkan rundingan masih berjalan bagi membawa pulang Jho Low ke Malaysia, namun beliau menegaskan bahawa proses itu adalah rumit kerana membabitkan pelbagai negara, agensi risikan dan Polis Antarabangsa (INTERPOL).

Ibadat & Fadilat

Sayidatina Aisyah RA meriwayakan Rasulullah SAW bersabda: "Orang (mukmin) yang mahir membaca al-Quran, kedudukannya di akhirat ditemani malaikat yang mulia. Dan orang yang membaca al-Quran, padahal gagap dan sukar baginya membaca, maka dia mendapat pahala berganda." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:17	4:39	7:29	8:43
Alor Setar	5:50	1:17	4:39	7:29	8:43
P. Pinang	5:51	1:17	4:39	7:27	8:41
Ipoh	5:51	1:15	4:37	7:24	8:38
Kuala Lumpur	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Shah Alam	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Johor Bahru	5:44	1:04	4:26	7:09	8:22
Kuantan	5:45	1:07	4:29	7:14	8:27
Seremban	5:50	1:11	4:34	7:17	8:31
Bandar Melaka	5:49	1:10	4:33	7:16	8:29
Kota Bharu	5:43	1:10	4:32	7:21	8:31
K. Terengganu	5:40	1:06	4:28	7:16	8:30
Kota Kinabalu	4:48	12:14	3:36	6:25	7:39
Kuching	5:19	12:39	4:02	6:44	7:57